

25 FEB 2002

Keselamatan-Pantai

BKN KAJI WUJUDKAN PASUKAN PENGAWAL PANTAI

LUMUT, 25 Feb (Bernama) -- Bahagian Keselamatan Negara di Jabatan Perdana Menteri sedang membuat kajian tentang kemungkinan mewujudkan pasukan pengawal pantai bagi mengawasi perairan negara ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Jaafar Ismail berkata kajian itu dibuat ekoran permintaan Kabinet dan dijangka siap tidak lama lagi.

Katanya, pasukan pengawal itu jika diwujudkan kelak akan membantu meningkatkan pengawasan di kawasan pantai negara ini terutamanya dalam membendung kemasukan pendatang tanpa izin.

"Kajian ini untuk Kabinet menentukan sama ada terdapat keperluan untuk diwujudkan sebuah pasukan pengawal pantai," katanya selepas majlis penganugerahan sijil pentauliah Sistem Radar "One Fanthom Bank" (OFB) di sini hari ini.

OFB merupakan sebahagian daripada rangkaian Sistem Pengawasan Laut Malaysia (SPLM) yang menggunakan teknologi canggih.

Permintaan kabinet itu dibuat selepas berlakunya beberapa rusuhan membabitkan pekerja Indonesia di negara ini dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mencadangkan diadakan pasukan khas untuk mengatasi masalah kemasukan pendatang tanpa izin Indonesia.

Kini, tugas mengawal perairan dijalankan beberapa agensi kerajaan seperti Marin Polis, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Rela.

Jaafar juga berkata, OFB yang terletak lebih kurang 27 batu nautika dari Pelabuhan Klang dan radar kesembilan daripada rangkaian sedia ada di sepanjang Selat Melaka, bertujuan untuk pengawasan lebih berkesan trafik laut dan mengurangkan kemalangan di selat itu.

Kedudukan radar ini dianggap amat strategik setelah mengambil kira peranan Selat Melaka yang merupakan perairan paling sibuk di dunia.

Katanya, sejak BKN mengadakan pengawasan laut pada 1997, pelanggaran di laut telah berkurangan daripada tujuh pada tahun 1997 kepada purata satu pada 2000 dan tahun lepas.

Jaafar berkata kerajaan telah membelanjakan kira-kira RM100 juta untuk meningkatkan sistem pengawasan lautnya menggunakan teknologi canggih seperti yang dikehendaki Pertubuhan Maritim Antarabangsa.

-- BERNAMA

AR NMO